

30 AUG 2000

Mahathir-Merdeka

KEMERDEKAAN NEGARA DIPEROLEHI HASIL PERPADUAN RAKYAT, KATA MAHATHIR

SHAH ALAM, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat bahawa kemerdekaan yang diperolehi negara selepas 450 tahun dijajah adalah hasil perpaduan antara rakyatnya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus menghargai perpaduan dan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat antara mereka sendiri tanpa perlu mendengar nasihat atau tunjuk ajar dari negara luar.

Katanya daripada satu bangsa yang kerdil, lemah, tidak berijazah atau bersenjata, rakyat ketika itu mampu menangkis salah satu kuasa besar pada masa itu untuk terus menjajah negara ini.

"Dengan perpaduanlah, kita bakal mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya pada pertemuan dengan pelajar UiTM di Dewan Sri Budiman UiTM di sini, malam ini.

Katanya jika kita mendengar hasutan orang luar akhirnya negara akan jadi huru-hara dan lambat lanun kita akan tetap dijajah semula.

Perdana Menteri berkata kita sedia maklum bahawa ada orang luar yang tidak senang dengan kemajuan yang dikecapi negara dan berusaha sedaya mungkin untuk memusnahkannya dengan pelbagai cara.

Beliau berkata hanya berbekalkan penguasaan ilmu dan perpaduan kaum sahaja yang akan membolehkan negara ini bersaing dengan negara maju yang lain.

Katanya kita sedia maklum bahawa walaupun banyak negara yang merdeka sama waktu dengan Malaysia tetapi masih banyak antara mereka yang tidak dapat mengecap nikmat pembangunan sebagaimana yang dikecapi oleh Malaysia.

Beliau berkata Malaysia kini mampu berbuat apa sahaja tanpa perlu mengikut telunjuk mana-mana pihak atau negara luar dan tidak perlu tunduk kepada kehendak mereka.

"Ini kerana kita adalah sebuah negara yang benar-benar merdeka dan satu bangsa yang benar-benar bebas" katanya dan diikuti dengan tepukan gemuruh kira-kira 5,000 orang yang menghadiri majlis malam ini.

Mahathir seterusnya meminta para pelajar menginsafi pengorbanan besar generasi dahulu untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi kepada generasi hari ini.

Beliau berkata dengan menginsafi pengorbanan generasi terdahulu mereka sudah pasti akan dapat membuat sumbangan besar kepada negara dan sanggup berkorban demi generasi seterusnya selepas mereka.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengiringi Pemangku Raja Selangor untuk menghadiri majlis jamuan negeri di Dewan Jubilee Perak di sini.

Beliau menghabiskan kira-kira 3 jam pada majlis itu sebelum beredar ke Majlis perjumpaan dengan penuntut UiTM di sini kira-kira pukul 11 malam.

-- BERNAMA

AZH KM SM FAZ